

THE TITAN

11 SEPTEMBER 2022 | BIL: 24

www.richworks.com

RICHWORKS™

Di Sini Lahirnya
Usahawan Jutawan

Industry View

GLOBALISASI
DAN USAHAWAN
WANITA



IRAH SUKRI

DARI PASAR SITI KHADIJAH BINA EMPAYAR JUAL KAIN



10 TAHUN BERNIAGA TIADA HASIL, KINI RAIH JUTAAN RINGGIT

Satu pemandangan unik pasar di Kelantan ialah peniaganya rata-rata terdiri daripada kaum wanita. Mereka terkenal dengan minat berniaga.

Salah satu destinasi popular apabila ke negeri Cik Siti Wan Kembang ini ialah Pasar Siti Khadijah.

Tingkat dua dan tiga pasar ini dikhususkan untuk kedai menjual pakaian seperti baju kelawar, kain pelikat dan kain tudung.

Di situ juga, Irah Sukri mencari rezeki selama 10 tahun menjual kain pasang.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Irah Sukri

Global Sdn. Bhd., yang lebih mesra dengan panggilan Irah, hasil jualan di Pasar Siti Khadijah tidak menentu dan banyak pasang surutnya.

PASAR SITI KHADIJAH

Jelas Irah, rata-rata peniaga di Pasar Siti Khadijah menjual barang hampir sama menyebabkan hasil jualan kurang memberangsangkan kecuali cuti sekolah ekoran kehadiran ramai pelancong membawa limpahan rezeki berbanding hari biasa.

"Di Pasar Siti Khadijah dulu lebih kepada cukup makan, tak ada simpanan. Masih buat bisnes tapi tak ada masa depan.



"Sangat penat tetapi tak ada results, Irah bukan sahaja bermula di Pasar Siti Khadijah malah di ekspo, majlis konvo, pasar malam, pasar minggu dan tempat lain," katanya.

Ekoran situasi ini, Irah terpaksa melipat gandakan usaha bagi menarik pengunjung masuk ke dalam kedai atau barang-barangnya tidak dapat dijual, akhirnya menanggung kerugian.

"Banyak yang sudah saya lakukan untuk tingkatkan jualan tapi tiada kemajuan boleh dibanggakan."

"Hidup saya ibarat kais makan pagi, kais petang makan petang," katanya.

Malah, Irah pernah menggadaikan barang kemas miliknya untuk membayar gaji pekerja ketika itu.

UBAH NASIB

Menyedari keadaan perniagaan tidak begitu memberangsangkan, Irah nekad mahu melakukan sesuatu.

Jika tidak, nasib perniagaan tidak akan berubah

dan dia sendiri tidak tahu berapa lama akan kekal begitu.

Suatu hari pada 2017, Irah menonton sesi live seorang usahawan wanita yang tidak berpendidikan serta tidak tahu membaca dan menulis, tetapi mampu mencapai hasil jualan berjuta ringgit.

Kejayaan Pengasas Nur Idaman Eksklusif, Halimah Muda dicapai setelah menyertai program anjuran RichWorks.

"Sesi live itu membuka mata saya kerana kalau Puan Halimah boleh berjaya, kenapa saya tidak?" soalnya.

Irah mengambil keputusan mendaftar dan menyertai program Intensif Magnet Kekayaan dan Kejayaan (IMKK) anjuran RichWorks pada 2017.

BUTA IT

Tidak cukup menyertai IMKK, Irah menyertai pula program Millionaire Marketing Master (MMM) dan dalam program itu, beliau diajar dengan lebih mendalam tentang pemasaran luar talian (offline) dan dalam talian (online).

**KETIKA ITU SAYA
SEORANG BUTA
IT, SAYA MASUK
KELAS MENTOR
USAHAWAN, DATUK
WIRA DR. AZIZAN
OSMAN MENGUASAI
PEMASARAN
SECARA DALAM
TALIAN. HASILNYA,
JUALAN NAIK
DENGAN MENDADAK
BERBANDING
SEBELUMINI.”**



“Ketika itu saya seorang buta IT, saya masuk kelas Mentor Usahawan, Datuk Wira Dr. Azizan Osman menguasai pemasaran secara dalam talian. Hasilnya, jualan naik dengan mendadak berbanding yang dah buat sebelum ini.

“Masa di Pasar Siti Khadijah memang tak ada buat bisnes online. Saya terkejut, belajar ada ilmu menyebabkan jualan naik, ada hasil berbanding yang dah buat sebelum ini, penat bermiaga tetapi tiada hasil,” jelasnya.

Mengulas lanjut katanya, sebagai bangsa usahawan kita perlu mempercayai proses yang perlu dilalui dengan sabar seperti fasa menempuh cabaran dalam perniagaan dan menuntut ilmu.

“Di peringkat awal, saya guna media sosial untuk membina followers. Saya perkenalkan juga jenama sendiri iaitu IrahSukri kepada rakyat Malaysia dan hasilnya, perniagaan saya semakin dikenali,” ujarnya.



CABARAN PKP

2020 memberi cabaran yang berbeza kepada IrahSukri apabila pandemik Covid-19 menjelaskan jualan kain pasang syarikatnya.

Tetapi, beliau terus memanfaatkan teknologi untuk tujuan pemasaran dan membentuk pasukan jualan serta melantik key leaders.

"Kami masih kekal konsisten melaksanakan perniagaan dalam talian ketika itu. Fokus kami masih dengan bisnes dan produk yang sama. Pasukan kami semakin berkembang dan ramai," kata Irah.

Menurut Irah, sekiranya dia tahu lebih awal tentang program keusahawanan yang dijalankan oleh RichWorks, sudah tentu beliau boleh berjaya lebih awal dan tidak membuang masa selama 10 tahun menjual kain di Pasar Siti Khadijah.

Sementara itu, beliau turut berkongsi maksud di sebalik nama IrahSukri yang dipilih.

Ceritanya, Irah adalah nama panggilannya semasa kecil manakala Sukri adalah nama suaminya.

Beliau bersyukur gabungan nama IrahSukri yang dipilihnya benar-benar membawa tuah.

PENCAPAIAN

Pada 2018, perniagaan Irah semakin maju dan pencapaian jualannya pada tahun itu adalah sebanyak RM969,000.

Tahun berikutnya pada 2019, hasil jualan Irah Sukri terus melonjak naik ke RM2.4 juta dengan peningkatan sebanyak 149.52% dan mula menjalankan perniagaan 100% secara dalam talian.

Lebih menggembirakan, beliau turut mendapat pelanggan dan tempahan dari Singapura dan Brunei.

Hasil kesabaran dan percaya kepada proses, syarikat menjual produk kain pasang, batik sarung dan pelekatnya meraih jualan RM7.2 juta pada 2021 dan mensasarkan jualan meningkat kepada RM15 juta pada tahun ini.

Beliau juga sudah mampu memiliki sebuah unit rumah kedai dan pejabat pengurusan dengan 40 kakitangan.

Pada masa sama, kini syarikatnya mempunyai kira-kira 10,000 dropship terdiri daripada suri rumah dan individu mempunyai pekerjaan tetap tetapi mahu menambah pendapatan keluarga.

"Mereka dah ada simpanan, kereta idaman, kehidupan lebih baik. Irah sangat seronok melalui bisnes ni boleh memberi manfaat kepada orang lain.

"Menjadi kepuasan bila kita boleh bantu orang lain, Irah sangat nak lihat mereka mempunyai kehidupan yang bagus, simpanan yang banyak, boleh bantu ibu bapa mereka," katanya lagi.

Bagi yang berminat untuk menyertai Irah Sukri, mereka boleh melayari laman instagram @irah_sukri.



K! kosmo_online

TERKINI NEGARA | Sabar dan percaya proses perniagaan kunci kejayaan



NASIHAT IRAHSUKRI



PERTAMA, tundukkan diri dan jaga adab dengan guru

"Benda paling betul bagi saya adalah bila mula ada ilmu. Mula tundukkan diri, jaga adab dengan guru," pesan Irah.

KEDUA, gunakan peluang di depan mata

"Irah selalu ingatkan diri bahawa peluang di depan mata. Tapi ramai orang, tak nak gunakan peluang itu contoh macam ada kelas dibuat RichWorks, tak luangkan masa untuk berikan masa depan yang lebih baik sebaliknya rela buat benda tak bagi results," jelasnya.

KETIGA, sabar menempuh fasa dalam perniagaan.

"Kalau aku sabarkan diri, lalui proses, insyaAllah aku pun boleh jadi hebat macam brand lain.

"Semakin banyak belajar, makin banyak kita tahu dan kejayaan pun rasa semakin dekat.

"Bangsa usahawan perlu mempercayai proses yang dilalui dengan sabar, seperti fasa menempuh cabaran dalam perniagaan dan menuntut ilmu," ujarnya.

KEEMPAT, jangan mengalah dengan cabaran.

"Usahawan atau bakal usahawan di luar sana jangan mengalah dengan cabaran yang terpaksa ditempuh, dan mesti sentiasa berusaha melengkapkan diri dengan ilmu dan mentor yang boleh memajukan perniagaan dijalankan," katanya lagi. ●



GLOBALISASI & USAHAWAN WANITA

Fenomena yang dicetuskan oleh arus globalisasi menuntut kepada kegiatan yang mempunyai aktiviti nilai tambah yang tinggi dan berorientasikan pengetahuan.

Bagi wanita, abad ke-21 bukan sahaja menjanjikan peluang yang lebih banyak, tetapi juga menimbulkan cabaran yang belum pasti dapat diatasi.

Globalisasi walaupun menjanjikan peluang kepada para usahawan namun ia juga menuntut kepada perubahan yang drastik bagi memastikan mereka dapat bersaing dalam pasaran ekonomi global.

Usahawan yang ingin bersaing dalam pasaran ini perlu melengkapkan diri secukupnya daripada segi pengetahuan, kekuatan mental dan keupayaan pengurusan yang tinggi.

WANITA DAN PERNIAGAAN

Peranan tradisi wanita adalah sebagai isteri dan suri rumah. Namun dalam sesetengah masyarakat, wanita turut menyumbang dalam aktiviti pengeluaran terutama makanan untuk kegunaan keluarga.

Sektor perniagaan telah memberi peluang kepada wanita untuk mencari sumber pendapatan. Tradisi wanita yang melibatkan diri dalam perniagaan banyak berlaku di negara Asia Tenggara dan Afrika.

Di Asia Tenggara, perniagaan banyak dikuasai oleh wanita sehingga mewujudkan satu pola perniagaan wanita.

Kewujudan lebihan dari peta subsisten menjadi faktor utama yang menentukan penglibatan mereka dalam perniagaan yang banyak bermula di pasar.

Sejarah awal penglibatan wanita Kelantan seumpamanya bermula dalam bentuk unit ekonomi asas yang dikenal sebagai keluarga tani yang wujud dalam pertanian subsisten. Apabila wujud lebihan, ianya akan dijual di pasar.

Namun kini kebanyakan wanita terutama di negara membangun menjadikan aktiviti berniaga sebagai peluang untuk memperoleh pendapatan tambahan.

Bagi yang berminat, akan mengambil langkah untuk berhenti kerja dan memilih berniaga sebagai satu kerjaya.

Sementara bagi setengah wanita pula, berniaga dijadikan sebagai sumber pendapatan sampingan sahaja.

CABARAN GLOBALISASI

Hubungan ekonomi global dibentuk melalui perdagangan, pelaburan pengeluaran, pertukaran, kewangan, migrasi buruh, amalan organisasi dan kerjasama antarabangsa.

Oleh itu globalisasi penghapuskan sekatan perdagangan antarabangsa dan kebebasan pergerakan modal dengan tujuan mewujudkan pasaran global.

Ini membolehkan modal bergerak dengan mudah antara negara, syarikat berupaya mengurus pengeluaran secara berskala global dalam mencari sumber pada kos yang murah dan untung yang tinggi melampaui sempadan negara.

Syarikat-syarikat terpaksa meningkatkan kecekapan kos serta meningkatkan kualiti dan sentiasa menggalakkan inovasi demi ketahanan dalam arus persaingan.

Pasaran global dipacu oleh ilmu pengetahuan, kemahiran dan inovasi yang berterusan.

Persaingan di peringkat antarabangsa menuntut kepada peningkatan kualiti produk, keberkesanannya, strategi pemasaran yang berkesan, penguasaan teknologi maklumat, pembangunan sumber manusia yang berterusan kualiti melalui pendidikan dan kemahiran serta ekonomi yang berteraskan pengetahuan.

USAHAWAN WANITA

Golongan usahawan adalah pemangkin dalam proses pembangunan ekonomi sesebuah negara.

Mereka dianggap sebagai golongan yang sanggup menanggung risiko dan sentiasa berusaha untuk melakukan inovasi.

Jika menggunakan istilah usahawan wanita, ianya membawa maksud wanita yang menceburkan diri dalam kegiatan keusahawanan.

Dari perspektif sejarah dan tradisi, wanita Malaysia sudah lama menceburkan diri dalam dunia perniagaan.

Namun yang pasti, jumlah wanita yang terlibat dalam perniagaan semakin meningkat. Dekad 1990-an dianggap sebagai dekad yang membawa lebih ramai wanita menceburkan diri dalam bidang ini.

Persaingan perniagaan yang wujud dalam pasaran global sememangnya sengit.

Untuk berjaya dalam bidang keusahawanan ini sebenarnya tiada beza antara lelaki dengan wanita.

Malah, sifat semula jadi wanita iaitu mengutamakan perhubungan yang baik boleh

BOLEH DIKATAKAN RAMAI GOLONGAN WANITA YANG DILIHAT MEMENUHI BANYAK PROGRAM LATIHAN DAN BIMBINGAN JIKA NAK DIBANDINGKAN DENGAN LELAKI. MEREKA DILIHAT LEBIH KOMITED DAN BERSEDIA UNTUK BELAJAR DAN MELAKUKAN TINDAKAN SEHINGGA MENCAPAI APA YANG DIHAJATKAN.

membantu mereka mencapai kejayaan dalam perniagaan.

Bagaimanapun sekiranya wujud sifat terlalu bergantung kepada pelbagai pihak untuk membantunya dalam menguruskan sesebuah perniagaan boleh menghalang mereka daripada mencapai kejayaan yang lebih cemerlang.

Selain itu, boleh dikatakan ramai golongan wanita yang dilihat memenuhi banyak program latihan dan bimbingan jika nak dibandingkan dengan lelaki. Mereka dilihat lebih komited dan bersedia untuk belajar dan melakukan tindakan sehingga mencapai apa yang dihajatkan.

Tahniah wanita, anda seorang yang serba boleh dan mampu menjadi usahawan yang berjaya. 

**Business
Evaluation
Success
Transformation**

best



SETIAP SABTU | 10 pagi – 12 tengahari



**KITA SEDANG BERDEPAN EKONOMI KRISIS GLOBAL!
Adakah ANDA sebagai Usahawan
TAHU NAK BUAT APA dengan
Bisnes anda sekarang?**

richworks.com/best

Lokasi: Pejabat RichWorks, RichQ, Shah Alam



RICHWORKS™
ACCELERATING YOUR BUSINESS SUCCESS

10X BINA BISNES BERJAYA 2022

28 - 30 OKTOBER 2022
SETIA CITY CONVENTION CENTRE (SCCC)

TEMPAT TERHAD!

Perkuatkan bisnes ANDA
mendepani cabaran masa ini.

Jadi bangsa usahawan yang lebih
bersedia dengan ilmu & strategi
proven success melalui program
keusahawanan RichWorks.



DAFTAR dengan
imbas kod QR tertera atau
www.binabisnesberjaya.com
sekarang!



E-MAGAZINE
UNTUK
BANGSA
USAHAWAN

RICHWORKS™
THE TITAN

PENAFIAN : NASIHAT YANG DIBERIKAN DALAM MAJALAH INI MERUPAKAN NASIHAT SECARA AM. IA DISEDIAKAN TANPA MENGAMBIL KIRA OBJKTIF, SITUASI KEWANGAN ATAU KEPERLUAN ANDA. SEBELUM MELAKUKAN TINDAKAN, ANDA PERLU MENILAI KESESUAIAN NASIHAT DIBERIKAN MENGIKUT SITUASI & KEPERLUAN MASING-MASING.